

Surat khabar: Berita Harian (Sarawak)

Hari/Tarikh: 31/8/2013

Muka surat: 2

Tajuk : Peluang Pendidikan Terbuka.

20 SARAWAK

© SABTU 31 OGOS 2013

BH

Peluang pendidikan terbuka

» 'Sistem sedia ada tidak bezakan gender pelajar'

Oleh Mohd Hamizar Hamid
bhnews@bh.com.my

► Kuching

Dianggarkan 60 hingga 70 peratus tempat di institusi pengajian tinggi (IPT) di negeri ini dikuasai pelajar perempuan, sekali gus membuktikan sistem pendidikan negara yang tidak mengamalkan pilih kasih atau perbezaan gender.

Menteri Kebajikan, Wanita dan Pembangunan Keluarga Sarawak, Datuk Fatimah Abdullah, berkata peningkatan progresif ditunjukkan golongan berkenaan jelas membuktikan komitmen tinggi gender itu dalam usaha memajukan diri.

Berdaya saing

"Dasar pendidikan yang ada sekarang menjadi titik tolak kepada golongan wanita, khususnya di negeri ini untuk terus berdaya saing, sekali gus mengubah senario pendidikan dari peringkat sekolah rendah hingga ke universiti.

"Di Sarawak, hampir 49 peratus penduduknya daripada kalangan wanita, dengan termasuk golongan itu ke pu-

“**Senario perubahan itu jelas menunjukkan sistem pendidikan negara berubah**”

Fatimah Abdullah,
Menteri Kebajikan,
Wanita dan
Pembangunan
Keluarga



Fatimah menerima cenderahati daripada Mary selepas merasmikan **Perhimpunan Khas Ambang Merdeka** di Dewan Sekolah Menengah Kebangsaan St Teresa, Kuching.

(FOTO MOHD HAMIZAR HAMID/BHI)

sat pengajian tinggi, sama ada yang dikendalikan kerajaan atau swasta, melebihi paras 49 peratus," katanya ketika merasmikan Perhimpunan Khas Ambang Merdeka Sekolah Menengah Kebangsaan St Teresa, di sini, semalam.

Katanya, di Universiti Malaysia Sarawak, pelajar perempuan mewakili hampir 60 peratus jumlah pelajar termasuk baru, malah 63.6 peratus daripada jumlah keseluruhan 7,541 pelajar universiti itu dari 1999 hingga 2009 adalah pelajar perempuan.

"Senario perubahan itu je-

las menunjukkan sistem pendidikan negara yang berubah berbanding 50 tahun dulu dengan memberikan peluang sama rata tanpa mengira gender.

Pelajar lelaki ramai

"Jika dulu lebih ramai kanak-kanak lelaki dihantar bersekolah berikutan kesusahan keluarga, kini peluang untuk belajar terbuka kepada semua sama ada lelaki atau perempuan, kaya atau miskin dan tidak kira sama mereka tinggal di bandar atau pedalaman," katanya.

Fatimah turut meluahkan masa melawat kantin sekolah berkenaan sebagai satu-satunya kantin sekolah di negeri ini yang mendapat perakuan sijil halal Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) dan

dikelaskan sebagai premis makanan dengan gred A.

Sementara itu, Pengetua Sekolah Menengah St Teresa, Mary John, berkata pelbagai program diatur sempena sambutan kemerdekaan tahun ini seperti pertandingan mencipta sajak bertemakan Cintakan Tanah Air dan 1Malaysia serta Tokoh Yang Berjasa, sayembara puisi dan lagu bertajuk Aspirasi 1Malaysia dan pertandingan menulis surat 1Malaysia anjuran bersama Pos Malaysia.

Selain itu, katanya, bagi menyemarakkan sambutan kemerdekaan pihak sekolah turut menjalankan aktiviti pertandingan mencipta Fesyen Remaja Bercirikan Malaysia, Senamrobik Merdeka dan permainan tradisional seperti congkak.